

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon kemudahan Pinjaman Berjangka dengan Hong Leong Bank Bhd. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

Kandungan yang tertera dalam helaian ini hanya meliputi maklumat umum produk. Terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan adalah tentative atau indikatif dan boleh berubah mengikut budi bicara Bank.

Terma-terma dan syarat-syarat muktamad akan dibaca bersama-sama dan digantikan seperti yang ditetapkan di dalam surat tawaran dan perjanjian kemudahan selepas penilaian kredit permohonan dan kelulusan pinjaman.

**Hong Leong Bank Bhd (97141-X)
Untuk perbankan Peniaga Kecil dan Sederhana
(PKS)**

Pinjaman Berjangka

Mac 2017

1. Apakah produk ini?

- Pinjaman Berjangka ini adalah pembiayaan kredit bukan berputar yang mempunyai tarikh matang and jadual pembayaran balik pinjaman yang telah ditetapkan.
- Kemudahan ini boleh digunakan untuk pembiayaan pembelian aset tetap seperti hartanah atau mesin dan adakalanya untuk pembiayaan modal kerja. Walau bagaimanapun, cagaran tambahan seperti deposit tetap, jaminan guarantor dan lain-lain mungkin diminta bergantung kepada penilaian kredit permohonan. Bagi pembiayaan hartanah, harta tersebut hendaklah dicagarkan kepada Bank.

2. Apa yang saya perolehi dari produk ini?

- Jumlah maksima pembiayaan atau kemudahan ini bergantung kepada tujuan pembiayaan. Biasanya, bagi pembiayaan hartanah jumlah maksima adalah sehingga 80% jumlah permohonan.
- Kadar faedah yang dikenakan bergantung kepada tujuan pembiayaan dan berdasarkan Kadar Pinjaman Asas (KPA atau 'BLR'). Bagi pembiayaan hartanah, kadar faedah adalah antara BLR - 1.8% setahun ke BLR + 1.0% setahun, manakala untuk pembiayaan modal kerja adalah antara BLR + 0.5% setahun sehingga BLR + 3.0% setahun.
- Tempoh pinjaman bergantung kepada tujuan pembiayaan dimana secara umum adalah di antara 5 hingga 15 tahun.

Contoh:

Jumlah Pinjaman Asas	: RM 1,000,000
Tempoh pembiayaan	: 15 tahun / 180 bulan
Kadar pinjaman asas (kadar semasa)	: 6.7% setahun
Kadar faedah (Tahun 1-15)	: BLR – 2.0% setahun
Kadar efektif	: 4.7% setahun
Jumlah pembayaran balik	: RM 1,395,457.78
	(Pinjaman asas RM1,000,000 + Kadar faedah RM395,457.78)

Bulan	Pinjaman Asas	Kadar Faedah	Jumlah Ansuran Bulanan	Baki Pinjaman Asas	Jumlah Kadar Faedah
1	3,835.88	3,916.67	7,752.54	996,164.12	3,916.67
2	3,850.90	3,901.64	7,752.54	992,313.22	7,818.31
3	3,865.98	3,886.56	7,752.54	988,447.24	11,704.87
:	:	:	:	:	:
:	:	:	:	:	:
179	7,692.17	60.37	7,752.54	7,722.30	395,427.54
180	7,722.30	30.25	7,752.54	0.00	395,457.78

Nota: Sila ambil perhatian bahawa kadar faedah dan tempoh tertera di atas adalah indikatif sahaja. Jumlah pembiayaan, tempoh pembiayaan, kadar faedah dan kadar efektif yang muktamad adalah tertakluk kepada kelulusan kriteria oleh pihak Bank dan mungkin berbeza daripada yang tertera di atas. Untuk maklumat sebenar pinjaman berjangka yang ditawarkan, sila rujuk kepada surat perjanjian tawaran atau perjanjian kemudahan.

3. Apakah kewajipan saya?

- Bayaran faedah progresif pinjaman sebelum pengeluaran jumlah penuh pinjaman.
- Bayaran jumlah ansuran bulanan setelah pengeluaran penuh pinjaman.
- Secara amnya jadual pembayaran balik pembiayaan produk ini dijadualkan berdasarkan bulanan/suku tahunan /setengah tahunan, dengan jumlah ansuran bulanan yang tetap, merangkumi prinsipal dan faedah. (Pengiraannya berdasarkan kadar boleh ubah dan pelunasan baki bulanan).

NOTIS PENTING: Jumlah ansuran bulanan dan jumlah pembayaran balik pembiayaan akan berbeza jika KPA / BLR berubah.

Contoh:

Jumlah pinjaman asas : RM 1,000,000
Tempoh pembiayaan : 15 tahun / 180 bulan
Kadar faedah (Tahun 1-15) : BLR – 2.0% setahun

Jadual di bawah menunjukkan perubahan jumlah ansuran bulanan dan jumlah pembayaran balik pembiayaan jika ada perubahan kepada KPA / BLR:

Kadar	KPA / BLR semasa	Jika KPA / BLR naik	Jika KPA / BLR turun
KPA / BLR	6.7% setahun	6.8% setahun	6.6% setahun
Kadar efektif	4.7% setahun	4.8% setahun	4.6% setahun
Jumlah ansuran bulanan	RM 7,752.54	RM 7,804.14	RM 7,701.14
Jumlah kadar faedah pada akhir tahun ke-15	RM 395,457.78	RM 404,745.98	RM 386,205.07
Jumlah pembayaran balik pada akhir tahun ke-15	RM 1,395,457.78	RM 1,404,745.98	RM 1,386,205.07

Nota: Pengiraan jumlah kadar faedah dikenakan dan jumlah pembayaran balik pembiayaan dalam jadual di atas adalah berdasarkan senario dimana perubahan KPA / BLR berlaku sebelum pengeluaran pinjaman. Sekiranya, KPA / BLR berubah semasa tempoh pinjaman, jumlah kadar faedah dan jumlah pembayaran balik akan berbeza.

4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

▪ Duti Setem	Seperti Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989)
▪ Yuran Guaman dan Pengeluaran	Termasuk yuran guaman untuk dokumentasi pinjaman (jika berkenaan), yuran dan caj untuk pendaftaran gadaian, carian tanah dan carian kebangkrapan.
▪ Yuran Kemudahan	Tidak berkenaan

5. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

NOTIS PENTING: Untuk maklumat lanjut, sila baca terma dan syarat muktamad seperti yang ditetapkan di dalam surat tawaran, perjanjian pembiayaan kemudahan dan terma- terma dan syarat-syarat umum.

▪ Penalti Pembayaran Lewat	1.0% setahun ke atas jumlah tunggakan, menyebabkan jumlah pembayaran balik yang lebih tinggi.
▪ Kadar Kemungkiran	Jika berlaku hal kemungkiran (tiada pembayaran) pembayaran faedah untuk (3) kali berturut-turut sementara menunggu permulaan pembayaran ansuran atau semasa pembayaran ansuran, pihak Bank berhak untuk meningkatkan kadar faedah sebanyak 1.0% setahun sebagai tambahan kepada kadar yang ditetapkan
▪ Hak Penolakan	Pihak Bank mempunyai hak untuk menolak selesai mana-mana baki kredit dalam akaun anda di Bank terhadap sebarang baki tertunggak.
▪ Hak untuk memulakan proses pengambilan semula dan tindakan undang-undang	<p>Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal memberi balasan kepada notis peringatan. Aset anda juga akan dihalang tebus dan anda akan membiayai segala kos. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan (baki tertunggak) setelah aset anda dijual.</p> <p>Pihak Bank mempunyai hak untuk memulakan aktiviti pengambilan semula (termasuk melantik pihak ketiga sebagai agensi pengutip hutang), menghalang tebus dan prosiding kebangkrapan.</p> <p>Nota: Tindakan undang-undang yang dikenakan ke atas anda akan menjejaskan tahap penarafan kredit anda, mengakibatkan kelulusan permohonan mana-mana kemudahan kredit lebih sukar atau kadar faedah pinjaman lebih mahal.</p>

6. Bagaimana jika saya menjelaskan pinjaman sebelum tempoh matang?

- Bayaran terdahulu secara penuh atau sebahagian tertakluk kepada (3) bulan notis bertulis. Sebagai ganti, peruntukan faedah sebanyak (3) bulan pada kadar faedah yang ditetapkan akan dikenakan keatas sebarang jumlah prabayar.
- Dalam hal bayaran terdahulu secara sebahagian, jumlah yang diprabayar hendaklah digunakan untuk tujuan pembayaran mengikut jadual kematangan secara songsang. Jumlah prabayar tidak boleh dikeluarkan semula.
- Walau apapun yang disebut di atas, pihak Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk mengenakan yuran bayaran terdahulu sebanyak 1.0% atau kadar lain sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Bank.

7. Adakah saya memerlukan insurans atau perlindungan takaful?

Polisi insurans yang berikut disyorkan atau diperlukan daripada syarikat insurans panel atau bukan panel:

- Insuran Bertempoh Gadai Janji Berkurangan(MRTA) atau Takaful Gadai Janji Berkurangan (MRTT) untuk melindungi peminjam sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal.
- Insurans kebakaran atau insurans pemilik rumah untuk perlindungan harta (wajib).

8. Apakah kemungkinan risiko?

- Sila ambil perhatian bahawa kadar yang ditetapkan berdasarkan kadar rujukan iaitu Kadar Pinjaman Asas (KPA atau BLR) dan akan berubah dari semasa ke semasa. Kenaikan dalam Kadar Pinjaman Asas boleh mengakibatkan jumlah pembayaran ansuran bulanan yang lebih tinggi.
- Jika anda mempunyai masalah memenuhi kewajipan pembayaran balik pinjaman anda, sila hubungi kami untuk membincangkan pembayaran balik alternatif.

9. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan maklumat dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat butiran peribadi untuk memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat peribadi anda, anda boleh mengunjungi mana-mana cawangan kami atau memaklumkan kami secara bertulis ke:

Hong Leong Bank Berhad, Commercial and SME Banking,
Alamat : Tingkat 5, Wisma Hong Leong, No. 18, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur
E-mel : SME@hlbb.hongleong.com.my

10. Dimana boleh saya mendapatkan bantuan penyelesaian kewangan?

- Jika anda mempunyai masalah untuk membuat bayaran balik, anda perlu menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan pembayaran balik alternatif. Anda boleh menghubungi kami di:

Hong Leong Bank Berhad, Commercial and SME Banking
Alamat : Tingkat 5, Wisma Hong Leong, No. 18, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur
No Telefon : 1-800-188-133
E-mal : SME@hlbb.hongleong.com.my
Laman web : www.hlb.com.my

- Untuk pilihan lain, anda boleh mendapatkan perkhidmatan:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma berkaitan dengan pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Alamat : Tingkat 8, Maju Junction Mall 1001, Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur
No Telefon : 1-800-88-2575
E-mel : enquiry@akpk.org.my

Small Debt Resolution Committee (SDRC), ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan kepada perusahaan kecil dan sederhana. Anda boleh menghubungi SDRC di:

SDRC Secretariat, Bahagian Pembangunan Kewangan dan Enterprise
Alamat : Bank Negara Malaysia (BNM), Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur
No Telefon : 1-300-88-5465
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman web : www.bnm.gov.my

- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di:

Hong Leong Bank Berhad, Commercial and SME Banking,
Alamat : Tingkat 5, Wisma Hong Leong, No. 18, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur
No Telefon : 1-800-188-133
E-mel : SME@hlbb.hongleong.com.my
Laman web : www.hlb.com.my

- Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami secara memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia di:

Bank Negara Malaysia LINK atau BNMTELELINK
Alamat : Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur.
No Telefon : 1-300-88-5465
Fax : 03-2174 1515
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

11. Dimana boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan untuk pinjaman berjangka, sila rujuk pada risalah bankinginfo yang boleh didapati di laman web www.bankinginfo.com.my.

12. Produk lain dengan kemudahan yang serupa disediakan oleh Bank

Tiada.

NOTIS PENTING

BANK BERHAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG DAN MENGHALANG TEBUS ASET ANDA YANG DIBIYAI OLEH / DICAGARKAN KEPADA PIHAK BANK, JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBAYAR ANSURAN BULANAN ANDA TEPAT PADA WAKTUNYA.

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan produk ini adalah sah pada Mac 2017.